

Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

Fadillah Mansor *

Abstract

This article discusses with details on Islamic credit card, the operation and the application of Shariah principles in Islamic credit card instruments offered by Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

1. Pengenalan

Penggunaan kad kredit secara meluas di kalangan orang ramai telah mendorong Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) memperkenalkan produk baru dalam perbankan Islam iaitu kad kredit Islam yang diberi nama Kad Bank Islam (Kad KBI).¹

Terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan kewujudan kad kredit Islam ini. Antaranya ialah desakan dan kehendak orang ramai yang memerlukan kepada alat transaksi yang menawarkan perkhidmatan kredit berasaskan kehendak syarak. Desakan ini mungkin timbul dari kesedaran orang Islam untuk mengamalkan prinsip-prinsip syariah dalam urusan yang berkaitan dengan perbankan Islam. Aspek penting bagi kad kredit Islam ini adalah penghapusan elemen riba atau kadar bunga yang menjadi mekanisme penting dalam sistem kad kredit konvensional yang diamalkan secara meluas di Malaysia.

* Pensyarah di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

¹ Seterusnya akan disebut sebagai kad KBI.

Kad KBI ini diperkenalkan secara rasmi pada bulan Januari 2002,² berasaskan kepada tiga kontrak iaitu *bay' al-'Inah*, *al-Waḍī'ah* dan *qard al-Ḥasan*. Kad kredit ini menawarkan perkhidmatan yang berkualiti dan mempunyai ciri-ciri berikut iaitu mudah, selamat dan menjimatkan masa.³

Kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan operasi kad kredit Islam yang dilaksanakan di Malaysia secara umum dan seterusnya melihat secara khusus tentang aplikasi kad kredit Islam iaitu kad KBI yang diperkenalkan oleh BIMB. Prinsip-prinsip Syariah yang digunakan dalam produk kad KBI ini juga dibincangkan secara terperinci. Di samping itu, perbandingan antara produk kad kredit Islam dan kad kredit konvensional juga dibuat secara tidak langsung dalam usaha untuk melihat keupayaan kad kredit Islam sebagai instrumen yang kompetitif dalam pasaran.

2. Produk Kad Kredit di Malaysia

2.1 Definisi Kad Kredit

Perkataan kredit membawa maksud kebolehan memperolehi barangan, perkhidmatan atau wang pada masa sekarang dengan pertukaran janji untuk membayar pada masa hadapan.⁴ Manakala kad kredit didefinisikan sebagai kad yang memberi kuasa kepada pemegangnya untuk membeli barangan atau perkhidmatan secara kredit.⁵ Ia juga dipanggil *charge card* dan didefinisikan sebagai *card that identifies its owner as one who is entitled to credit when purchasing goods or services from certain establishments*.⁶

² BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 7 Januari 2003.

³ Ianya mudah digunakan di mana sahaja sama ada untuk pembayaran runcit atau untuk pengeluaran tunai dan penerimaannya juga adalah meluas meliputi dalam negara dan luar negara. Di samping itu, ia juga selamat digunakan tanpa perasaan takut dan bimbang akan kehilangan wang akibat rompakan dan sebagainya. Ini kerana pengguna tidak perlu membawa wang yang terlalu banyak ketika keluar disebabkan adanya kemudahan kad kredit. Selain itu, ianya juga menjimatkan masa kerana para pemegang kad kredit boleh menggunakan kad kredit mereka untuk sebarang pembayaran bil dan lain-lain transaksi seperti memesan atau membeli barangan secara perbankan internet. Sila lihat BIMB (2002), "Soalan-soalan yang sering ditanya", *Siri Penerangan Bank Islam Card Centre*. Kuala Lumpur: BIMB.

⁴ Christine Ammer and Dean S. Ammer (1984), *Dictionary of Business and Economics*. New York: The Free Press, h. 112.

⁵ Microsoft®Encarta®(1997), *Encyclopedia* ©1993-1996, Microsoft Corporation.

⁶ *Ibid.*

Perkataan kad kredit dalam bahasa Arab dipanggil *biṭāqah al-Itmān* atau *biṭāqah al-I'timād*.⁷ Pengertian kad kredit yang dipersetujui di dalam Majma' al-Fiqh ialah satu akuan yang dikeluarkan oleh satu pihak pengeluar kepada seseorang individu atau badan tertentu berdasarkan akad yang dilakukan antara kedua-dua pihak tersebut bagi membolehkan pihak kedua membeli barangan atau mendapat perkhidmatan dari pihak yang menerima akuan tanpa perlu membuat bayaran secara tunai berdasarkan jaminan dari pihak pengeluar akuan.⁸

Dalam seksyen 14(1), Akta Kredit Pelanggan 1974 atau *Consumer Credit Act 1974*, kad kredit didefinisikan sebagai kad, cek, baucer, kupon, setem, buku kecil atau dokumen atau barang lain yang diberikan kepada seseorang individu iaitu pemegang kad, dengan perkara-perkara di atas, pemegangnya mempunyai kuasa untuk mendapatkan tunai, barangan atau perkhidmatan secara kredit. Manakala pihak yang memberi kemudahan kredit akan memperolehi pembayaran daripada pihak ketiga iaitu syarikat pengeluar kad, yang sebelum itu telah membuat perjanjian dengan pihak pengguna atau pemegang kad.

BIMB pula telah memberi takrifan yang panjang lebar tentang kad kredit. Ia merupakan kad yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan dan bank-bank asing, sama ada di Malaysia ataupun di luar negara. Kad kredit ini ditawarkan kepada pengguna-pengguna yang layak untuk memilikinya dan setiap pemilik kad kredit ini akan mendapat kemudahan had kredit (*credit limit*) yang ditentukan oleh pihak bank berdasarkan kepada pendapatan tahunan.⁹ Apabila memiliki kad kredit ini, pengguna boleh menggunakannya untuk tujuan transaksi belian runcit ataupun pengeluaran wang di kaunter-kaunter bank dan mesin ATM (*automated teller machine*).¹⁰

Kesimpulannya, kad kredit dapat ditakrifkan sebagai kad yang membolehkan pemegangnya memperolehi barangan, perkhidmatan dan wang secara tunai melalui kontrak atau perjanjian yang berlaku di antara pemegang dan syarikat pengeluar atau bank dan mereka bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditentukan. Dengan kata lain, kad kredit melibatkan penggunaan kad plastik yang diterbitkan oleh sesebuah institusi kewangan melalui pengeluar kad kredit utama seperti MasterCard dan VISA yang membenarkan penggunaannya untuk aktiviti pembelian barangan atau

⁷ Ḥassan Ibrahim Zayyat Mustafa Ahmad (1986/1406 H), *al-Mu'jam al-Naṣīth*. Istanbul: Dār al-Da'wah, h. 128.

⁸ _____ (t.t.), *Majallah Majma' al-Fiqh al-Iṣlāhiy*, jilid 7. Beirut: t.p., h. 717.

⁹ BIMB (2002), *op.cit*.

¹⁰ *Ibid*.

perkhidmatan secara kredit. Ianya digunakan sebagai salah satu kaedah pembayaran alternatif selain secara tunai atau cek. Kelebihan utama, ianya memberi kemudahan kredit pada masa yang diperlukan.¹¹

2.2 Sejarah Kad Kredit di Malaysia

Kad kredit bermula di Malaysia dalam sekitar tahun 1980-an. Ianya dipelopori oleh bank asing seperti Standard Chartered Bank. Kemudian ianya diikuti oleh bank-bank lain seperti Bank Bumiputra (sekarang dikenali Bumiputra Commerce), Citibank, Maybank dan lain-lain. Pada awalnya, ianya hanya tertumpu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Kini, penerimaannya semakin meluas meliputi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Sejarah kad kredit Islam di Malaysia pula bermula apabila Kumpulan AmBank Berhad memperkenalkan kad kredit Islam yang pertama di Malaysia pada tahun 1996. Ianya dinamakan kad kredit *al-taslif* yang bermaksud kontrak penjualan barangan secara pembayaran ansuran. Kad kredit *al-taslif* ini juga merupakan kad kredit Islam yang pertama diperkenalkan di Asia Tenggara dan di dunia amnya.¹² Kemudian diikuti dengan kad kredit emas yang diperkenalkan pada tahun 2000 oleh Islamic Bank of Brunei.¹³

Seterusnya kad bank Islam (KBI) diperkenalkan oleh BIMB dan ianya telah dilancarkan pada 23 Julai 2002. Terdapat empat jenis kad kredit yang diperkenalkan iaitu KBI MasterCard Gold, KBI MasterCard Classic, KBI Visa Gold dan KBI Visa Classics.¹⁴

2.3 Operasi Kad Kredit

Operasi kad kredit melibatkan tiga pihak utama iaitu pemegang kad, peruncit dan pengeluar kad. Pemegang kad terdiri daripada sesiapa sahaja yang memenuhi syarat yang boleh melayakkan mereka menjadi pemegang kad kredit. Kebiasaannya, syarat utama yang ditetapkan adalah dari segi umur dan pendapatan individu. Pemegang kad

¹¹ Jamaiyah Mohammed Nor (2003), "Kad Kredit Islam: Satu Pengenalan" dalam *Prosiding Seminar Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Pengurusan, Universiti Malaya, hh. 154-158.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ BIMB (2002), *op.cit.*

kredit akan memperolehi kemudahan kredit iaitu penangguhan bayaran kepada perkhidmatan dan barangan yang dibeli, di samping mereka juga memperolehi kemudahan kad sebagai alternatif pembayaran selain dari tunai dan cek. Pihak kedua yang terlibat dalam operasi kad kredit adalah peruncit atau saudagar iaitu pihak yang menerima pembayaran bagi barangan atau perkhidmatan yang dijual melalui kad kredit. Pihak ketiga pula adalah pengeluar kad kredit. Ianya terdiri daripada syarikat atau bank. Dan mereka ini memperolehi keuntungan melalui caj perkhidmatan yang telah ditetapkan.

Operasi kad kredit juga melibatkan dua fungsi utama iaitu fungsi transaksi dan fungsi kredit. Fungsi transaksi ialah apabila kad kredit ditunjukkan kepada peruncit sebagai ganti wang ketika membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh peruncit tersebut. Fungsi kredit pula berlaku apabila kad kredit digunakan sebagai instrumen pusingan hutang. Ianya bertindak sama seperti akaun simpanan, cek atau kad ATM. Dengan kata lain, pemegang kad kredit boleh mendapatkan tunai dengan pengeluaran wang melalui ATM.

Perbezaan ketara dari segi operasi kad kredit Islam berbanding dengan kad kredit konvensional adalah dari segi operasi penggunaannya. Kad kredit Islam adalah terhad kepada penggunaan wang tunai dan kemudahan kewangan yang berdasarkan prinsip Syariah sahaja. Oleh itu, penggunaannya adalah terbatas kepada perbelanjaan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak.¹⁵ Di samping itu, penggunaan kad kredit Islam terselamat dari elemen *gharar* dan *riba* kerana kad ini mengamalkan ketelusan dalam penggunaannya.¹⁶

3. Organisasi BIMB

Bank Islam yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Mac 1983, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan ianya tertakluk di bawah Akta Bank Islam 1983.¹⁷ BIMB mula beroperasi pada 1 Julai 1983 dengan modal yang dibenarkan sebanyak

¹⁵ Mohd Yusof Haji Nasir (2002), "Teks Ucapan Pelancaran Kad Bank Islam" di Majlis Pelancaran Kad Bank Islam, di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 23 Julai 2002, h. 2.

¹⁶ Joni Tamkin bin Borhan (2001), "Perlaksanaan Prinsip al-Bay' Bithaman Ajil dalam Penggunaan Kad Kredit Islam: Suatu Kajian di Arab-Malaysian Bank Berhad", *Jurnal Syariah*, 9:2 [2001], hh. 45-49.

¹⁷ BIMB (1995), *Organisation and Operations*, cet. 4. Kuala Lumpur: BIMB, h. 4.

RM500 juta dan modal berbayar sebanyak RM79.9 juta.¹⁸ Pada masa tersebut, BIMB hanya mempunyai satu cawangan iaitu di Kuala Lumpur.¹⁹

Seterusnya, BIMB telah disenaraikan di papan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)²⁰ pada 17 Januari 1992, dengan modal dibenarkan sebanyak RM500 juta dan modal berbayar sebanyak RM79.9 juta.²¹ BIMB juga merupakan anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad (BHB) yang merupakan syarikat pegangan pelaburan yang menjalankan operasi kewangan berpandukan prinsip-prinsip Syariah. BHB ini telah diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997 dan telah disenaraikan di papan utama BSKL pada 16 September 1997. Modal dibenarkan BHB ialah RM2 billion dan modal berbayarnya pula adalah RM562,965,000.00.²²

Aktiviti BIMB juga turut bertambah selari dengan perkembangan sektor kewangan Islam meliputi aktiviti asas iaitu perbankan dan produk-produk perbankan; di samping aktiviti lain seperti insurans, pelaburan saham, sewa beli, penyelidikan dan latihan serta lain-lain perkhidmatan perbankan Islam.²³ BIMB juga telah berkembang dan menjadi sebuah institusi kewangan yang disegani dengan mempunyai rangkaian 85 cawangan di merata tempat di Malaysia. BIMB juga telah menyediakan lebih kurang 50 jenis produk dan perkhidmatan yang inovatif dan kompetitif di dalam pasaran setanding dengan produk dan perkhidmatan di bank-bank konvensional.²⁴

Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB melibatkan dua kumpulan pelanggan yang utama iaitu penyimpan dan pelabur.²⁵ Bentuk-bentuk perniagaan yang

¹⁸ BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 7 Januari 2003.

¹⁹ BNM (1999), *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: BNM, h. 273.

²⁰ *Arising from the demutualisation exercise, Kuala Lumpur Stock Exchange (BSKL) has on 5 January 2004 been converted from a company limited by guarantee to a public company limited by shares. With this conversion, KLSE has vested and transferred its stock exchange business to a wholly-owned subsidiary, Malaysia Securities Exchange Berhad, whilst the demutualised KLSE has been approved as an exchange holding company.* BSKL kini dikenali sebagai Bursa Malaysia. Sila lihat <http://www.bursamalaysia.com.>, 20 Mei 2004.

²¹ BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 20 Mei 2004.

²² Sila lihat BIMB, http://www.bankislam.com.my/ar/AR03_001-034.pdf, 20 Mei 2004.

²³ BIMB (1995), *op.cit.*

²⁴ BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 20 Mei 2004.

²⁵ Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 145.

dijalankan atau lebih tepat lagi rangkaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan terdiri dari lima kategori yang utama iaitu perbankan elektronik, perkhidmatan deposit, pembiayaan pengguna atau runcit, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan lain.²⁶

Produk dan perkhidmatan perbankan elektronik termasuklah perbankan internet, kad smart, rangkaian MEPS dan GIRO dan perbankan desktop. Seterusnya perkhidmatan dan produk deposit meliputi semua akaun simpanan dan akaun semasa termasuklah akaun pelaburan simpanan mudharabah dan sijil hutang. Pembiayaan pengguna pula merujuk kepada pembiayaan untuk individu seperti rumah, kereta, pendidikan, overdraf dan sebagainya. Manakala pembiayaan perdagangan adalah pembiayaan modal pusingan, bil penerimaan Islam (*Islamic Accepted Bill- IAB*), skim pembiayaan semula kredit eksport (*Islamic Export Credit Refinancing Scheme - IECR*), surat kredit dan surat jaminan. Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang ditawarkan adalah kiriman wang, jual beli cek kembara, pengurusan pelaburan dan portfolio, jual beli mata wang asing, pembayaran zakat dan jualan amanah saham bank Islam.

Setelah lebih 20 tahun beroperasi, BIMB kini menuju era baru untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan kewangan seluruh rakyat Malaysia. Daripada rangkaian 50 jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB sebagaimana yang telah diterangkan, kad KBI merupakan produk terkini yang berada dalam pasaran.²⁷

3.1 Kad Kredit Secara Islam: Kad Bank Islam (Kad KBI)

Kad KBI yang diperkenalkan ini bertujuan untuk memenuhi tuntutan kewangan bagi orang ramai yang memerlukan satu produk kewangan yang menjadi sandaran alternatif kepada kemudahan kredit yang disediakan oleh kad kredit konvensional. Fungsinya adalah sama dengan kad kredit konvensional, namun dari segi konsepnya adalah berbeza disebabkan kad kredit konvensional yang sedia ada adalah bertentangan dengan prinsip syariah. Oleh kerana itu jugalah, kad kredit ini dinamakan Kad Bank Islam (Kad KBI) tanpa mengekalkan perkataan kredit bagi mengelak sebarang kekeliruan.²⁸

²⁶ BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 7 Januari 2003.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Mohd Yusof Haji Nasir (2002), *op.cit.*, h. 2.

Kad KBI juga mengutamakan ciri keselamatan di mana kad KBI yang dihasilkan merupakan kad kredit pertama yang bercirikan kad pintar yang lebih praktikal dan cepat dengan kelengkapan teknologi cip terkini mengikut *Europay-MasterCard-Visa 2000 (EMV 2000) Standard Specification*.²⁹ BIMB juga merupakan bank pertama di rantau ini yang berjaya mencapai tahap piawaian EMV 2000 untuk kepelbagaian aplikasi dalam kewangan daripada *MasterCard International*.³⁰ Satu lagi ciri baru yang diperkenalkan dalam kad KBI adalah *Multiple Application Operating System (MULTOS)*. Dengan ciri ini, kad tersebut boleh dipelbagaikan kegunaannya selain dari fungsinya sebagai kad kredit, ia juga boleh digunakan sebagai *e-purse* dan *e-debit*.³¹

Penggunaan kad KBI terselamat dari elemen *gharar* dan *riba* kerana ketelusan dalam penggunaan kad. Ini dapat dilihat dari segi margin keuntungan maksimum yang dikenakan oleh pihak bank dikira pada peringkat awal penerimaan pelanggan sebagai pemegang kad KBI berbanding dengan faedah keuntungan yang dikenakan oleh kad kredit konvensional yang tidak ditentukan kepada para pelanggannya iaitu bergantung kepada urusan pembayaran kad. Selain itu, BIMB tidak mengenakan kadar faedah berganda terhadap pemegang kad KBI.³²

Kad KBI menekankan tentang elemen keadilan yang merangkumi pelbagai aspek iaitu dari segi kemampuan dan keistimewaan. Kad KBI juga menekankan tentang ketelusan dalam penggunaan kad iaitu tiada kos tersembunyi yang dicaj kepada pemegang kad.

3.2 Prinsip-prinsip Syariah dalam Kad KBI

Prinsip-prinsip syariah yang digunakan di dalam Kad KBI ialah *bay' al-'Inah*, *al-Wadi'ah* dan *qard al-Hasan*.

a. Prinsip *bay' al-'Inah*

Bay' al-'Inah membawa maksud seseorang itu menjual barangan dengan harga tertangguh kepada seseorang dengan suatu tempoh tertentu dan kemudiannya dia

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ Siti Haniza Abdul Rahman dan Norshamsiah Nor Baharin (2002), "Alternatif Baru Kad Kredit", *Majalah Massa*, 23-29 November 2002, h. 28.

³² Mohd Yusof Haji Nasir (2002), *op.cit.*, h. 2.

³³ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 421.

akan membeli semula barangan tersebut secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga jualan tertangguh tadi.³³

Kontrak *bay' al-'Inah* ini mempunyai dua jenis akad iaitu akad pertama dan akad kedua. Akad pertama adalah apabila pihak bank bertindak menjual aset cagaran kepada pelanggan pada harga kos ditambah dengan nilai untung. Dengan itu, harga jualan akan menjadi lebih tinggi. Seterusnya pada akad yang kedua, pihak bank akan membeli semula aset tersebut daripada pelanggannya hanya pada harga kos sahaja. Hasil daripada kontrak *bay' al-'Inah* ini, maka wujudlah perbezaan dari sudut harga iaitu harga jualan ditolak dari harga kos. Perbezaan harga ini merupakan keuntungan kepada pihak bank dan keuntungan ini terhasil semasa kontrak akad dijalankan. Hasil dari jual beli tersebut, bank akan membuat agihan wang tunai ke dalam akaun pelanggan kad bank Islam (KBI) yang diuruskan oleh BIMB berdasarkan prinsip Syariah *al-Wadī'ah*. Ini berlainan dengan kad kredit konvensional, di mana keuntungan tidak ditentukan pada awal kontrak tetapi dikenakan pada tempoh bayaran tertangguh baki *outstanding (outstanding balance)*.

Sebagai contoh, berdasarkan kontrak *bay' al-'Inah* ini, apabila pelanggan kad KBI memerlukan sejumlah nilai bagi kad kreditnya maka dia boleh mengemukakan asetnya seperti tanah sebagai cagaran (*underlying asset*) kepada pihak bank. Pihak bank akan membeli tanah tersebut pada harga kos daripada pelanggan, misalnya RM10,000. Ini bermakna bank akan mengkreditkan RM10,000 dalam akaun simpanan pelanggan bagi tujuan pembelian tersebut. Seterusnya bank akan menjual semula tanah tersebut kepada pelanggan dengan harga kos ditambah kadar keuntungan, misalnya pada harga RM12,000 untuk satu tempoh bayaran balik yang tertentu secara ansuran. Oleh itu, bank akan mendapat keuntungan sebanyak RM2,000 daripada pelanggan dan pelanggan akan dapat menggunakan kad kredit bernilai RM10,000. Pembayaran balik akan dilakukan secara beransur-ansur mengikut kadar yang telah ditentukan oleh pihak bank.

Kontrak *bay' al-'Inah* ini boleh juga digunakan sekiranya seseorang pelanggan itu tidak mempunyai cagaran, maka dia boleh meminta pihak bank menjual harta bank kepadanya pada harga kos dan ditambah dengan keuntungan dengan tempoh pembayaran balik secara ansuran, misalnya RM7,000. Seterusnya bank akan membeli semula harta tersebut daripada pelanggan pada harga kos, misalnya RM5,000. Implikasinya, bank akan mendapat keuntungan RM2,000 dan pelanggan akan mendapat had kredit dalam akaunnya sebanyak RM5,000.

b. Prinsip *al-Wadi'ah*

Al-Wadi'ah merupakan perjanjian antara pihak yang memiliki barang termasuk wang, untuk menyimpan barang tersebut dengan pihak yang lain termasuk bank bagi tujuan untuk disimpan dan dijaga keselamatannya.³⁴

Dalam urusan kad KBI, pemohonnya perlu mewujudkan akaun simpanan berasaskan *al-Wadi'ah* terlebih dahulu sebelum membuat permohonan kad kredit. Akaun ini bertujuan membenarkan pemegang kad KBI menggunakan kad KBI bagi tujuan urusan runcit dan pengeluaran wang tunai. Fungsinya sama seperti kad kredit konvensional, cuma transaksi bagi pemegang kad KBI adalah terhadap kepada nilai wang tunai yang masih tinggal di dalam akaun simpanannya.

c. Prinsip *Qard al-Hasan*

Qard al-Hasan adalah perjanjian antara pihak yang memberi pinjaman dan pihak yang meminjam iaitu pihak yang memberi pinjaman bersetuju untuk meminjamkan kepada pihak yang meminjam suatu jumlah wang yang tertentu bagi sesuatu tempoh yang dinyatakan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi pembayaran balik. Pihak yang meminjam diwajibkan membayar balik jumlah wang tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.³⁵ Prinsip *Qard al-Hasan* ini merupakan pinjaman kebajikan kerana peminjam hanya perlu membayar semula jumlah wang yang dipinjamkan sahaja tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan. Pinjaman ini diberikan bagi tujuan selain daripada bermotifkan keuntungan. Walau bagaimanapun, peminjam boleh mengikut budi bicaranya untuk membayar lebih daripada apa yang dipinjamkan. Prinsip ini merupakan satu-satunya pinjaman yang dibenarkan oleh Syariah berasaskan tujuan untuk keadilan sosial dan ekonomi semata-mata.³⁶

Berdasarkan prinsip *Qard al-Hasan* ini, pemegang kad KBI diberi keistimewaan iaitu mereka tidak akan dikenakan sebarang margin keuntungan sekiranya membuat transaksi yang melebihi had pembiayaan yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, lebihan had pembiayaan yang dibenarkan kepada seseorang pemegang kad adalah tertakluk kepada budi bicara pihak bank.³⁷

³⁴ Fadillah Mansor (2003), "The Practices of Shariah Principles in Instrument of Islamic Financial System: An Overview" dalam *Prosiding Seminar Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Pengurusan, Universiti Malaya, hh. 51-58.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 440.

³⁷ BIMB, <http://www.bankislam.com.my>, 7 Januari 2003.

3.3 Kad KBI: Prosedur Permohonan, Penggunaan dan Pembayaran

Permohonan bagi kad KBI perlulah memenuhi prosedur yang telah ditetapkan iaitu ianya terbuka kepada semua orang yang beragama Islam dan bukan beragama Islam; berpendapatan tetap tahunan minimum RM48,000 bagi pemegang 'MasterCard Gold' dan RM18,000 bagi pemegang 'MasterCard Classic'.³⁸

Pemohon juga perlulah berumur 21 tahun dan ke atas untuk melayakkannya menjadi pemegang kad utama dan berusia 18 tahun dan ke atas bagi pemegang kad tambahan. Had umur maksimum untuk memohon adalah 60 tahun. Had umur ini dilihat sebagai memenuhi keperluan akad yang telah digariskan oleh para fuqaha' iaitu pihak-pihak yang berakad perlulah cerdik, berakal dan cukup umur. Di samping itu, persekitaran demografi di Malaysia juga menunjukkan had umur tersebut melibatkan individu yang telah berada di alam pekerjaan.³⁹

Pemohon juga perlu mengisi borang permohonan dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen seperti salinan kad pengenalan, slip gaji dua bulan terkini dan borang J berkenaan dengan penyata cukai pendapatan. Manakala bagi mereka yang bekerja sendiri, sijil pendaftaran perniagaan dan penyata bank bagi tiga bulan terkini adalah diperlukan. Seterusnya pemohon perlu membuat akuan terhadap butir-butir yang telah diberi dalam borang permohonan.⁴⁰

Pemohon kad KBI juga perlu bersetuju bertanggungjawab secara bersama (sekiranya ada kad tambahan) ke atas caj yang dikenakan ke atas kad yang dikeluarkan atas permintaan pemohon sendiri.⁴¹ Ketelusan dalam berakad ini adalah penting untuk mengelak dari berlakunya urusan niaga yang ada unsur *ribā* dan *gharar* yang diharamkan

³⁸ Yuran tahunan pertama adalah dikecualikan bagi pemegang kad. Yuran tahun berikutnya adalah sebanyak RM130.00 bagi pemegang kad emas dan RM60.00 bagi pemegang kad klasik. Sila lihat BIMB (2002), *op.cit.*

³⁹ Joni Tamkin bin Borhan (2001), *op.cit.*, h. 46.

⁴⁰ Pengakuan ini bertujuan untuk mengesahkan butiran yang telah diberikan adalah benar dan seterusnya memberi kuasa kepada pihak BIMB untuk mengesahkan kebenaran butiran yang telah diberi oleh pemohon dengan merujuk kepada jabatan-jabatan yang terlibat. Pemohon juga akan dimaklumi tentang kontrak *bay' al-'Inah* yang digunakan dalam perjanjian kad KBI dan segala pindaan ke atasnya pada masa akan datang. Perjanjian ini juga hanya termeterai sekiranya mendapat kerelaan dan persetujuan kedua-dua pihak yang terbabit melalui lafaz *ijāb* dan *qabūl*. Sila lihat BIMB (2002), *op.cit.*

⁴¹ BIMB (t.t), *Risalah Kad Bank Islam*. Kuala Lumpur: BIMB.

dalam Islam. Sekiranya permohonan diterima, pelanggan perlu membuka akaun simpanan berasaskan prinsip *al-Wadi'ah* bagi tujuan untuk mengkreditkan tunai yang digunakan oleh pemegang kad ketika menjalankan urusniaga.

Dari aspek prosedur penggunaan, pemegang kad KBI perlu menandatangani kad tersebut untuk mengelak daripada orang lain menggunakannya. Pemegang kad juga perlu memastikan mereka menggariskan jumlah pembelian atau membulatkannya setiap kali menandatangani resit atau draf jualan. Ini adalah untuk mengelak dari berlaku kesilapan yang tidak dijangka atau ditipu oleh penjual. Pemegang kad juga dinasihatkan menyimpan semua draf jualan setiap kali melakukan transaksi. Ini merupakan langkah keselamatan bagi memastikan semua transaksi yang dijalankan adalah betul, di samping untuk mengelak dari berlakunya kesilapan. Sebarang kekeliruan tentang resit transaksi perlulah dilaporkan kepada pusat kad bank Islam dengan segera.

Manakala dari aspek prosedur pembayaran bil ke atas urusniaga yang dilakukan, pemegang kad KBI boleh membuat pembayaran secara bulanan atau secara bayaran penuh dengan segera bagi mengelak dari berlaku sebarang kesulitan kepada pemegang kad mahupun pihak bank. Yuran pengeluaran tunai yang dikenakan oleh BIMB adalah rendah iaitu RM12.00 bagi setiap pengeluaran tunai RM1,000.00 atau sebahagian daripadanya di semua mesin ATM Bank Islam.⁴² Jumlah maksimum caj bagi kad KBI adalah 50 peratus daripada had pembiayaan.⁴³

3.4 Kad KBI: Faedah Penggunaannya

Terdapat banyak faedah yang boleh didapati dari penggunaan kad kredit KBI. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Tiada yuran penyertaan dikenakan kepada pemohon kad KBI.
- b. Yuran tahunan pertama adalah dikecualikan.⁴⁴

⁴² Jumlah ini (RM12 bagi setiap kali pengeluaran) dikira murah berbanding dengan jumlah caj pengeluaran bagi kad kredit konvensional iaitu sebanyak 3 peratus atau RM50.00, mana yang lebih tinggi. Caj keuntungan ini tidak dikenakan kepada pemegang kad KBI sekiranya mereka membuat bayaran penuh sebelum tarikh luput. Sekiranya ini berlaku, pemegang kad KBI akan memperolehi simpanan atau RM63.00 bagi setiap RM1,000.00 yang dikeluarkan. Sila lihat BIMB, http://www.bankislam.com.my/prodct_pgnpembiyck07_e.htm, 20 Mei 2004.

⁴³ BIMB (t.t), *op.cit.*

⁴⁴ Yuran tahunan bagi kad utama jenis kad klasik ialah RM60.00 dan bagi kad utama jenis kad emas adalah RM130.00. Manakala bagi kad tambahan jenis kad klasik yuran

- c. Kad KBI boleh digunakan untuk urusniaga halal di semua tempat tanpa perlu membawa wang tunai.
- d. Tiada keuntungan berganda dikenakan seperti kad kredit konvensional ke atas baki *outstanding*. Ini bermakna pemegang kad KBI akan menikmati penjimatan sebanyak 1.6 peratus.
- e. Yuran pengeluaran tunai adalah rendah. Caj yang dikenakan adalah RM12.00 bagi pengeluaran tunai RM1,000.00 atau sebahagian daripadanya.
- f. Perlindungan takaful keluarga berkelompok diberikan secara percuma kepada pemegang kad KBI. Di samping itu, pemegang kad juga akan diberi wang khairat kematian sebanyak RM1,000.00
- g. Perkhidmatan pindah baki (*credit transfer*) cuma dikenakan caj bernilai RM6.20 bagi setiap pindahan tanpa mengira jumlah amaun.⁴⁵
- h. Kad KBI diiktiraf di seluruh dunia. Kemudahan pengeluaran wang tunai juga di sediakan di dalam negara melalui semua kaunter ATM Bank Islam dan pengeluaran juga boleh dilakukan di luar negara.

4. Kesimpulan

Dari perbincangan ini, dapat disimpulkan kad kredit Islam adalah kompetitif dan setanding dengan kad kredit konvensional dari segi operasi, ciri-ciri instrumen dan manfaatnya kepada pemegang kad. Malah, terdapat ciri-ciri tertentu seperti tiadanya elemen *ribā* dan *gharar*, di samping caj perkhidmatan yang rendah menjadikan kad kredit Islam adalah lebih baik dari kad kredit konvensional. Sebagai contohnya, caj pengeluaran tunai yang rendah sebanyak RM12 secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding dengan kad kredit konvensional yang mengenakan caj sebanyak RM50 bagi setiap RM1,000 pengeluaran tunai.

Aplikasi instrumen kad kredit ini adalah selari dengan kehendak Syarak berasaskan kepada *fiqh aulawiyyāt* untuk mengelak orang ramai menggunakan kad kredit konvensional yang berasaskan elemen riba, di samping untuk memenuhi keperluan

tahunannya adalah RM30.00 dan kad tambahan jenis kad emas adalah RM60.00. Sila lihat BIMB, http://www.bankislam.com.my/prodct_pgnpembiyck07_e.htm, 20 Mei 2004.

⁴⁵ Pemegang kad KBI juga tidak akan dikenakan sebarang caj keuntungan bagi tempoh 20 hari selepas pindahan. Syarat jumlah pindahan adalah tidak melebihi had pembiayaan bagi pemegang kad KBI tersebut. Caj pemindahan sebanyak RM6.20 dikenakan bagi setiap permohonan pindahan baki (tidak mengira amaun), *Ibid*.

masyarakat dan keperluan urusniaga semasa. Tiga prinsip Syariah iaitu *bay' al-'Inah*, *al-Wadi'ah* dan *qard al-Ḥasan* yang diaplikasikan ke dalam kad kredit Islam juga telah menjamin ketelusan dan keadilan kepada pemegang kad.